

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah Kementerian ada cadangan untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (GSA) untuk tujuan memudahkan urusan permohonan pindah milik harta tanah FELDA dari Generasi Pertama ke Generasi Kedua.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta GSA) dibentangkan dalam sidang Parlimen pada 27 April 1960. Akta ini bertujuan untuk membuka kawasan penempatan berkelompok bagi membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan membentuk keseragaman undang-undang serta polisi berkaitan pembangunan kawasan penempatan berkelompok. Ianya merangkumi syarat-syarat pemilikan dan serah hak ke atas tanah di kawasan tersebut.

2. Akta ini telah mengalami beberapa pindaan dalam beberapa peraturan dan sekatan-sekatan untuk disesuaikan dengan suasana perkembangan semasa yang berlaku. Kesan daripada perkembangan ekonomi dan sosio-politik semasa terhadap masyarakat di tanah-tanah

rancangan FELDA, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian supaya Akta ini kekal relevan. Di antara pindaan Akta ini adalah:-

- i) Pindaan pada tahun 1965, antara lain melibatkan perjanjian antara agensi-agensi pembangunan tanah dengan Pihak Kerajaan Negeri, pengisytiharan kawasan penempatan berkelompok dan pembangunan tanah oleh koperasi yang dikelolakan oleh agensi pelaksana.
- ii) Pindaan pada tahun 1982, antaranya adalah berkaitan penyerahan hak pendudukan dalam kawasan menunggu hak milik dan penamatan atau pembatalan kawasan-kawasan penempatan berkelompok.
- iii) Pindaan pada tahun 2002, antaranya melibatkan Seksyen 12, 14 dan 15 yang membolehkan pegangan desa diberi milik dan boleh dimiliki secara bersama yang tidak boleh melebihi dua orang pemilik. Pindaan ini dibuat supaya isteri, bekas isteri atau waris kadim boleh didaftarkan nama secara bersama dengan peneroka dalam hak milik yang dikeluarkan atau yang masih menunggu hak milik.

3. Umumnya beberapa sekatan dalam akta berkenaan telah diwujudkan seperti Kawasan Pembangunan Persekutuan, Kuasa-kuasa FELDA, Pemberimilikan, Pegangan Desa Dengan Bayaran Tahunan Disatukan dan Pegangan Bandar bagi mengekalkannya sebagai tanah pertanian yang ekonomik, berskala besar dan berdaya saing serta membolehkan pemberian milikan tanah kepada penduduk luar bandar.

4. Walau bagaimanapun, sekatan-sekatan dalam Akta ini telah menimbulkan pelbagai isu berkaitan pewarisan dan pindah milik peneroka dan generasi baharu. Berdasarkan Akta ini, dalam apa jua keadaan, tanah FELDA hanya boleh dimiliki oleh seorang atau dua orang waris sahaja (Seksyen 14). Oleh yang demikian, apabila peneroka meninggal dunia, akan berlaku kekeliruan di kalangan ahli waris tentang pengurusan

NO. SOALAN : 19

harta pusaka, di mana mereka akan mempertikaikan siapa yang paling berhak ke atas tanah ini.

5. Sehubungan itu, FELDA telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan jawatankuasa khas bagi meneliti semula kandungan akta berkenaan. Jawatankuasa tersebut telah mengenal pasti klausa-klausa yang berkaitan Pemilikan Tanah, Urus Niaga Tanah, Hak Milik Berangkai dan Hak Milik Bersama untuk dipertimbangkan pindaan.

6. Sebelum sebarang pindaan dibuat, FELDA perlu menjalankan kajian yang komprehensif dan mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh terutamanya peneroka.

Sekian, terima kasih.